

20 DEC 1997

Mahathir-NEAC

DAIM DILANTIK PENGARAH EKSEKUTIF NEAC

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan pelantikan Tun Daim Zainuddin sebagai pengarah eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC).

Daim, yang juga Penasihat Ekonomi Kerajaan, akan mempunyai kuasa penuh untuk melaksanakan segala keputusan yang dibuat oleh majlis itu.

Ketika bercakap pada sidang berita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini, Perdana Menteri berkata NEAC diharap dapat dilancarkan pada bulan depan setelah mendapat kelulusan Kabinet.

Dr Mahathir yang juga presiden Umno berkata selain beliau sendiri sebagai pengerusi dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai timbalan pengerusi serta Daim, yang juga bendahari Umno, para anggota lain NEAC serta bilangannya belum ditentukan.

Pada masa ini, pelancaran NEAC terpaksa dilewatkan kerana ada beberapa aspek perundangan yang perlu diteliti mengenai bentuk dan kedudukan majlis itu.

Mesyuarat hari ini berlangsung lebih tiga jam.

Dr Mahathir berkata mesyuarat itu antara lain menumpukan perbincangan mengenai keadaan ekonomi negara supaya semua pihak faham tentang apa yang sedang berlaku dan apakah tindakan yang akan diambil.

"Kita semua berikrar bersatu padu dalam menangani masalah ekonomi," katanya.

-- BERNAMA

AFY RON